

10 DEC 1999

Kabinet-Reaksi (Menteri)

MENTERI, TIMBALAN MENTERI JANJI LAKSANA TUGAS TERBAIK

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Beberapa menteri dan timbalan menteri termasuk muka baru yang dilantik hari ini menyifatkan tugas yang akan dihadapi oleh mereka sebagai berat tetapi berjanji akan melaksanakan yang terbaik.

Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman yang dilantik semula sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyifatkan tugas yang akan dihadapinya sebagai paling mencabar iaitu mengembalikan kefahaman Islam di kalangan umat Islam negara ini.

"Saya sedar tugas kali ini semakin mencabar kerana semakin ramai ulama dari parti PAS yang menjadi pembangkang. Kita perlu menyedarkan mereka serta masyarakat seluruhnya bahawa kerja mentadbir negara dan politik bukannya perkara yang bertentangan dengan akidah," katanya ketika dihubungi di sini.

Anggota baru kabinet diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya petang ini.

Abdul Hamid yang kalah di kawasan parlimen Sik, Kedah kepada calon PAS Datuk Shahnnon Ahmad dengan majoriti 478 undi pada pilihan raya lepas akan dilantik sebagai senator.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana diberi kepercayaan untuk berkhidmat sekali lagi dalam kabinet.

Abdul Hamid berkata beliau akan meminta bantuan daripada rakan-rakan ulama untuk membuat cadangan bagi meningkatkan kesedaran rakyat mengenai politik dan agama Islam.

Ditanya mengenai rancangan awal beliau, Abdul Hamid berkata beliau akan turut melibatkan kursus-kursus dan seminar untuk pemimpin agama supaya maklumat mengenai agama Islam ini dapat disebarkan dengan tepat agar orang ramai terutama golongan muda tidak bertindak terlalu mengikut emosi bila membicarakan soal agama.

"Kalau semuanya dapat diterima dengan akal dan fikiran yang tenang, barulah umat Islam boleh kuat dan maju," katanya.

Datuk Dr Fong Chan Onn pula yang baru dilantik sebagai Menteri Sumber Manusia berkata beliau akan menggunakan pengalamannya sebagai Timbalan Menteri Pendidikan sebelum ini untuk melaksanakan tugas barunya itu.

"Saya akan gunakan pengalaman lepas untuk berusaha agar produktiviti boleh ditingkatkan," katanya semasa dihubungi di rumahnya di sini hari ini.

Katanya bidang pendidikan dan sumber manusia tidak mempunyai banyak perbezaan memandangkan bidang pendidikan adalah faktor utama yang menyumbang kepada tenaga kerja.

"Saya akan mendapatkan nasihat daripada Datuk Lim Ah Lek (Menteri Sumber Manusia sebelum ini) bagi memastikan tugas baru saya ini dapat dijalankan dengan baik," katanya.

Katanya beliau juga berharap kerjasama yang sebelum ini terjalin erat antara Lim dan kesatuan sekerja akan terus kekal.

Sambil berterima kasih kepada Dr Mahathir dan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Fong berkata pelantikan itu adalah sebagai suatu kepercayaan oleh kedua-dua pemimpin itu dan tidak harus disia-siakan.

Datuk Shahrizat Abdul Jalil yang dilantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berazam untuk bekerja kuat bersama-sama pemimpin wanita

yang lain bagi mengangkat martabat wanita dalam menghadapi alaf baru.

"Pemimpin-pemimpin wanita perlu bekerja kuat dalam membawa pembangunan dengan menitik beratkan kualiti kepimpinan," katanya ketika dihubungi petang ini.

Beliau berjanji untuk berusaha lebih giat lagi sebagai anggota parlimen Lembah Pantai dalam meneruskan khidmatnya kepada penduduk di kawasannya.

Shahrizat, 46, turut merakamkan terima kasih kepada semua yang berdoa di atas kejayaan beliau selama 20 tahun berkecimpung dalam dunia politik.

Sebelum ini, beliau merupakan Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia yang baru, Datuk Tan Chai Ho berjanji akan melakukan yang terbaik bagi memantapkan Kementerian itu.

Beliau berkata Kementerian itu adalah satu Kementerian yang penting dan mencabar dalam menghadapi alaf baru serta cabaran Y2K tidak lama lagi.

Tan, 50, yang sebelum ini merupakan Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah 27 tahun berkecimpung dalam politik.

Pada pilihan raya lepas, Tan mempertahankan kerusi Parlimen Bandar Tun Razak dengan mengalahkan calon parti Keadilan Dr Chandra Muzaffar.

Di KANGAR, Datuk Azmi Khalid yang dilantik Menteri Pembangunan Luar Bandar bersyukur dengan pelantikannya dan berterima kasih kepada rakyat yang memilihnya untuk kekal sebagai anggota parlimen Padang Besar.

Azmi, yang sebelum ini Timbalan Menteri Dalam Negeri, adalah pemimpin pertama dari Perlis yang dilantik sebagai menteri penuh.

Di IPOH, bekas Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib melahirkan rasa syukurnya apabila mengetahui mengenai pelantikan beliau sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan melalui televisyen hari ini.

Ramli berkata beliau menerima apa sahaja jawatan yang ditetapkan walaupun "menaruh harapan lebih tinggi".

"Pelantikan anggota kabinet adalah hak Perdana Menteri," katanya.

Di PEKAN, Ketua Wanita MCA Datuk Dr Ng Yen Yen, yang dilantik Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyifatkan tugas itu mencabar kerana pelancongan merupakan antara penyumbang terbesar kepada pendapatan negara.

"Saya rasa sangat bangga kerana mendapat keyakinan daripada Perdana Menteri, Barisan Nasional dan MCA. Saya akan melaksanakan tugas sebaik mungkin," katanya.

-- BERNAMA

TM MAI